ملتقى
سلطان شرف الدين إدريس شاه الثالث

KEPIMPINAN SULTAN SELANGOR DALAM MENTADBIR AGAMA ISLAM

Oleh :

Yang Berbahagia Datuk Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz
Pensyarah
Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

DENGAN KERJASAMA:

Majlis Agama Islam Selangor

IKIM Hub

Lembaga Zakat Selangor
Majlis Agama Islam Selangor

MediaSelangor

KEPIMPINAN SULTAN SELANGOR DALAM MENTADBIR AGAMA ISLAM

Pembentang: YBHG. Datuk Profesor Madya Dr. Shamrahayu A. Aziz ©

Abstrak

Kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam adalah ciri utama struktur pemerintahan dan pentadbiran serta perundangan Malaysia. Perkara 3(2) Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf Raja sesuatu Negeri sebagai Ketua agama Islam di negeri sebagaimana yang diakui dan diisytihar oleh Perlembagaan Negeri. Bagi negeri Selangor, Perkara XLVIII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 pula menetapkan kedudukan Sultan Selangor sebagai Ketua agama negeri serta memperuntukkan mekanisme penubuhan Majlis Agama Islam bagi membantu dan menasihati Baginda dalam perkara yang berhubungan dengan agama Negeri. Kedudukan tersebut kemudiannya diterjemahkan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang membentuk ekosistem institusi agama, termasuk Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Mufti dan Jawatankuasa Fatwa, Mahkamah Syariah, pendakwaan dan penguatkuasaan agama, baitulmal, zakat, wakaf, masjid serta pendidikan agama. Kertas ini berhujah bahawa kepimpinan Sultan Selangor adalah suatu bentuk kepimpinan perlembagaan dan kepimpinan agama yang dilaksanakan melalui institusi, undang-undang, nasihat, perkenan dan mekanisme pentadbiran.

Kertas ini turut menganalisis hubungan antara Sultan dengan Majlis Agama Islam, institusi Mufti, Mahkamah Syariah dan institusi pembangunan umat. Ia turut meneliti implikasi pembahagian kuasa antara Persekutuan dan Negeri terhadap pentadbiran Islam. Analisis ini menunjukkan bahawa kekuatan kepimpinan Sultan adalah bergantung kepada kebijaksanaan Sultan dalam kerangka perundangan dan keupayaan institusi agama menterjemahkan kedudukan tersebut melalui tadbir urus yang berwibawa, berintegriti dan berilmu.

Kata kunci: Sultan Selangor, Ketua Agama Negeri, Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, MAIS, pentadbiran Islam, Mahkamah Syariah, tadbir urus Islam.

1.0 PENDAHULUAN

Titah Aspirasi Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dipetik daripada laporan Halatuju Kelestarian Hal Ehwal Islam Selangor (HATIS) https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2025/10/MAIS_HATIS_FULL-DOC-1.pdf

> "Beta berhasrat agar Pentadbiran Islam Selangor perlu bersiap siaga menjadi sebuah institusi yang berdaya tahan dan dinamik dalam menggalas amanah untuk memartabatkan

> syiar Islam dan memperkasa ummah di bumi Selangor. Agenda Pembangunan Islam hendaklah sentiasa terkehadapan dan menjadi solusi terbaik agar Islam sentiasa dipandang tinggi".

Petikan titah baginda di atas menjadi pedoman dalam membuat analisa kepada tajuk pembentangan yang diamanahkan kepada saya pada hari ini. Sesungguhnya kepimpinan Sultan Selangor berkaitan Islam di negeri Selangor zahir dalam kerangka sejarah, tradisi, warisan dan juga undang-undang. Ini kerana kedudukan dan hubungan antara institusi Raja dan agama Islam telah begitu erat dalam sejarah dan perundangan. Ia bukan bermula setelah Tanah Melayu merdeka, tetapi jauh lebih lama. Apa yang penting untuk dihayati ialah Sultan adalah pemerintah utama dalam pentadbiran negeri dan mempunyai peranan tertentu dalam pentadbiran Malaysia secara umum. Justeru, hubungan antara Sultan dan Islam adalah satu ikatan politik, perundangan dan spiritual yang sangat utuh.

Hubungan politik di sini merujuk kepada ikatan kuasa, tadbir urus dan keabsahan (*legitimacy*) perundangan yang meletakkan kedudukan Sultan sebagai ketua pemerintahan yang wajib memelihara, memayungi dan menegakkan syariat Islam dalam sesebuah negara atau negeri. Ringkasnya hubungan politik antara Sultan dan Islam berkisar tentang kuasa dan undang-undang,

Mengenai hubungan antara Sultan dan Islam dalam konteks perundangan, ia adalah jelas menerusi peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri.

Dalam sistem perlembagaan moden, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam tidak hanya berakar daripada sejarah Kesultanan Melayu, tetapi telah diberikan pengiktirafan perlembagaan.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

> "(2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya".

Intipati peruntukan Perlembagaan Persekutuan ini ialah bahawa Raja sesuatu Negeri ialah Ketua agama Islam di negeri baginda mengikut cara dan setakat yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri tersebut. Peruntukan ini memperlihatkan bahawa kedudukan Raja dalam pentadbiran Islam negeri mempunyai dimensi perlembagaan yang tersendiri. Hubungan Sultan dan Islam dalam konteks perundangan dijelaskan lagi dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Hubungan rohani antara sultan dan Islam jelas sekali dalam syarat menjadi raja. Ini menampilkan ikatan rohani, nilai keagamaan, dan tanggungjawab suci (amanah) yang meletakkan kedudukan Sultan bukan sekadar sebagai ketua pemerintah fizikal, tetapi sebagai pemimpin rohani yang bertanggungjawab secara langsung di hadapan Allah SWT untuk memelihara kesucian agama Islam, kelangsungan dan amalan syariat Allah serta kebajikan umatnya.

Jika hubungan politik berkisar tentang kuasa dan undang-undang, hubungan spiritual pula menyentuh soal hati, jiwa, ketakwaan dan aspek ketuhanan dalam institusi kesultanan. Aspek-aspek utama yang membentuk hubungan spiritual ini meliputi perkara kepimpinan, seperti konsep memegang amanah Allah, *zillullah fil-alam* - bayang-bayang Allah di Muka Bumi yang bermaksud Sultan adalah cerminan kepada sifat adil dan kasih sayang Allah dalam mentadbir manusia. Begitu juga konsep *bai'ah*, iaitu taat setia rakyat kepada *ulil amr* sebagaimana firman Allah dalam surah al-Nisa, ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

> Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".

Sementara itu saya ingin nyatakan bahawa istilah kepimpinan dalam tajuk pembentangan ini ialah konsep yang lebih luas daripada kuasa. Kuasa merujuk kepada autoriti yang diberikan oleh undang-undang, manakala kepimpinan merangkumi keupayaan mengarahkan, memelihara, menyelaras dan memastikan institusi agama bergerak dalam kerangka yang ditetapkan oleh Perlembagaan dan undang-undang.

Penulisan kertas kerja ini menggunakan pendekatan doktrinal dan analisis perundangan berasaskan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959; Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003; perundangan negeri berkaitan agama Islam; penghakiman Mahkamah Persekutuan dan mahkamah lain; dan dokumen rasmi kerajaan serta Majlis Agama Islam. Sumber sekunder pula terdiri daripada buku, artikel jurnal dan penulisan akademik berkaitan undang-undang perlembagaan, undang-undang Islam, siyasah syar'iyyah dan tadbir urus.

Sebelum saya meneruskan pembentangan ini, suka saya jelaskan bahawa pembentangan saya pada hari ini adalah pandangan akademik saya berdasarkan kepada pengalaman dan hasil kajian ilmiah saya. Dengan peluang yang diberikan kepada saya ini, saya berhasrat untuk membentangkan pemerhatian saya sejak lebih 20 tahun dalam bidang akademik berkaitan. Saya bermula dengan pengalaman mengendalikan kursus sarjana muda undang-undang Perlembagaan sekitar tahun 1993/1994. Kemudian, pemerhatian akademik saya menjadi lebih mendalam dan berkembang apabila saya menulis tesis ijazah doktor falsafah dengan bertajuk "*Legal Measure Regulating Offences Against Islam in Malaysia*" (Langkah Perundangan bagi Mengawal Kesalahan terhadap Agama Islam di Malaysia) dari tahun 2000 sehingga 2007/2008. Selepas itu, saya juga belajar daripada pengalaman dan penglibatan saya dalam pelbagai Jawatankuasa pada peringkat negeri dan Persekutuan berkaitan undang-undang, termasuk kedudukan undang-undang Syariah dan pentadbirannya. Pengalaman sebagai anggota atau ahli Majlis Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (selama enam tahun setiap satu) amat membantu saya untuk memahami kedudukan dan pentadbiran Islam. Saya baru sahaja dilantik sebagai ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Mengenai institusi raja, kajian ilmiah dan pengalaman saya berkaitan institusi beraja menjadi semakin mendalam, terutamanya ketika saya menjadi Penyandang Kursi (*Chairholder*) Institusi Raja-Raja Melayu di Universiti Teknologi MARA pada tahun 2020 hingga 2022. Dengan pengalaman yang tidak seberapa ini saya bukan orang yang layak untuk memberi tunjuk ajar tentang peranan Sultan, tetapi hanya boleh berkongsi buah fikiran untuk para hadirin yang dirahmati Allah sekalian.

2.0. UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR, RAJA, NEGERI, KERAJAAN DAN ISLAM

Dalam bahagian ini saya cuba memberikan ulasan tentang hubungan antara Perlembagaan, undang-undang, raja, negeri dan kerajaan dengan Islam. Seperti dinyatakan di atas, Islam begitu sebati dengan Kesultanan Melayu. Islam dan institusi raja berpadu atau terjalin erat sehingga kedua-duanya saling berkait dalam sistem pemerintahan dan kehidupan bernegara. Maka negeri, sebagai suatu kawasan di bawah pemerintahan sultan, adalah mempunyai agama sebagaimana Sultannya juga.

2.1. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959

Kedudukan, peranan dan tanggungjawab Raja, kedudukan negeri, kerajaan dan Islam adalah terangkum di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor pertama kali diperkenalkan sebagai Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1948 pada 1 Februari 1948. Kemudian Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1950 telah diperkenalkan pada 2 Mei 1950. Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor 1948 dan Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1950 dimansuhkan dan diganti dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, yang beroperasi mulai 1 April 1959.

Ungkapan kebesaran Allah dan Rasulullah menjadi awal permulaan atau mukadimah kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor. Ia dimulai dengan lafaz “Dengan nama ALLAH, Yang Maha Pengasih, Yang Maha Penyayang, PUJI-PUJIAN bagi ALLAH, Tuhan semesta Alam, dan semoga dilimpahkan ALLAH rahmat dan kesejahteraan-Nya ke atas Junjungan Kita Nabi Muhammad s.a.w dan semua Keluarga serta Sahabat Baginda”.

2.2. Raja

Makna perkataan “raja” ialah orang yang mengetuai dan memerintah sesuatu negara (bangsa). Raja diberikan maksud sebagai Sultan dalam bahasa Melayu. Perkataan “sultan” yang asalnya daripada bahasa Arab bermaksud seseorang yang mempunyai kuasa memerintah dan mengetuai sesebuah negeri. Pengaruh Islam di Tanah Melayu menjadikan gelaran raja ditukar sebagai Sultan.

Syarat menjadi Raja hendaklah beragama Islam dan Islam ialah agama bagi negeri. Perkara V Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor memperuntukkan;

> Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perkara VIII Sultan hendaklah seorang Melayu, yang berdarah raja, keturunan Sultan Selangor, seorang lelaki, dan menganut agama Islam; dan Waris dan setiap Waris yang lain hendaklah juga orang yang sedemikian.

2.3. Islam agama Negeri Selangor

Jata negeri Selangor mempunyai tulisan khat "Dipelihara Allah" sebagai Cogan Kata Negeri Selangor. Hal ini berkait rapat dengan pengiytiharan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor yang menetapkan, Agama Negeri dalam Perkara XLVII. Perkara ini menyatakan

> Agama Islam sebagaimana yang dianuti dan diamalkan dalam Negeri ini hingga kini hendaklah menjadi agama Negeri:Dengan syarat bahawa semua agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai oleh orang yang menganutinya di mana-mana bahagian Negeri ini.

Sementara itu, Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2026 bagi memasukkan dengan jelas peruntukan bahawa agama Islam di Selangor adalah mengikut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) sebagaimana dianuti dan diamalkan di Negeri ini mengikut definisi dan tafsiran khusus dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor.
Saya tidak mendapat akses kepada teks penuh pindaan yang telah diluluskan oleh DUN ini, tetapi laporan media menunjukkan pindaan Perlembagaan ini telah diluluskan.

Sebelum pindaan Undang-Undang Tubuh, Kerajaan Negeri Selangor dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah mewartakan Fatwa Berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah pada 17 Jun 2025. Fatwa tersebut dengan jelas menyatakan bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah dari sudut akidah dan tauhid, mengikut manhaj Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari, Imam Abu Mansur al-Maturidi, ulama al-Asha'irah dan al-Maturidiah.(https://www.mais.gov.my/berpegang-kepada-akidah-ahli-sunnah-wal-jamaah-dalam-konteks-negeri-selangor/)

2.4. Sultan Selangor Ketua Agama Islam
Sementara itu, Perkara XLVIII (47) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor memperuntukkan tentang Sultan sebagai Ketua agama Negeri. Dalam tiga Fasal, hal ini diperincikan.

(1) Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua agama Negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal-ehwal agama dan bagi penubuhan satu Majlis Agama Islam yang dalam bahasa Inggeris hendaklah dikenali sebagai "*Council of Religion of Islam*", untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri.
(2) Walaupun ada Pemangkuan Raja dalam Negeri oleh sebab Duli Yang Maha Mulia dipilih memegang jawatan atau sedang menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia hendaklah terus menjalankan fungsi Baginda sebagai Ketua agama Negeri.
(3) Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua agama Negeri hendaklah, mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, memberi kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mewakili Baginda dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama Islam yang dengan persetujuan Majlis Raja-Raja meliputi Persekutuan pada keseluruhannya.

Antara intipati utama peruntukan Perkara XLVIII, ialah, dalam hal berkaitan hal ehwal Islam Duli Yang Maha Mulia boleh

i. Menyebabkan undang-undang dibuat bagi tujuan mengawal selia hal-ehwal agama Islam;

ii. Menyebabkan undang-undang dibuat bagi tujuan penubuhan Majlis Agama Islam untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia berhubungan dengan agama Islam.

Sementara itu, Perkara LV Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, telah dimaktubkan bahawa:

> (2) Duli Yang Maha Mulia boleh bertindak menurut budi bicara Baginda pada melaksanakan fungsi yang berikut (sebagai tambahan kepada fungsi yang pada melaksanakannya Baginda boleh bertindak menurut budi bicara Baginda di bawah Perlembagaan Persekutuan) iaitu:
>
> (a) pelantikan Menteri Besar; …..
> ….
> (d) apa-apa fungsi sebagai Ketua agama Islam atau yang berhubungan dengan adat Melayu;

2.5. Kerajaan

Perkataan "kerajaan" adalah kata terbitan dari perkataan "raja" dan "kerajaan" dimaksudkan sebagai "negeri atau negara yang dikepalai oleh raja" (Kamus Dewan, 1270). Istilah "*government*" dalam bahasa Inggeris bagi perkataan "kerajaan" adalah tidak menepati maksud perkataan "kerajaan" kerana ia hanya merujuk kepada "mentadbir" atau "memerintah" secara literalnya, tetapi tidak merangkum perkataan raja. Mungkin secara tidak langsung "*government*" boleh difahami sebagai pelaksana kepada kuasa raja dalam hal-hal yang ditetapkan oleh undang-undang. Dalam konteks semasa, kerajaan merujuk kepada kumpulan pemimpin yang dipilih melalui pilihan raya dalam sistem demokrasi. Kerajaan dibantu oleh perkhidmatan awam yang merupakan jentera pentadbiran utama kerajaan negeri untuk merancang, mengurus, dan melaksanakan undang-undang atau dasar yang diluluskan oleh kerajaan.

Menurut Perkara L (50) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, "Kuasa Eksekutif Negeri hendaklah terletak hak pada Duli Yang Maha Mulia dan boleh dijalankan, melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini, oleh Baginda atau oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan atau mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang diberi kuasa oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan, tetapi fungsi eksekutif boleh melalui undang-undang diberikan kepada orang atau pihak berkuasa lain".

Justeru, mengambil kira peranan raja atau Sultan sebagai Ketua Utama Negeri dan juga Ketua agama Islam, maka kerajaan adalah berperanan memastikan kedudukan, termasuk kedaulatan raja, peranan dan tanggungjawab raja, dan perkara di bawah prerogatif, kuasa dan bidang kuasa raja adalah dilaksanakan bersesuaian dengan sistem atau struktur undang-undang. Kerajaan dan raja harus melengkapi antara satu sama lain, dan tidak boleh dipisahkan. Ini kerana tanggungjawab atau amanah keduanya ialah menjaga kedaulatan dan keselamatan negeri, dan juga memastikan kebajikan

serta kemakmuran rakyat dijamin dalam pemertintahan dan pentadbiran serta pengurusan negeri.

3.0. MAKSUD PENTADBIRAN AGAMA ISLAM?

Tiada tafsiran undang-undang tentang frasa “pentadbiran Islam”. Justeru, frasa ini boleh dimaksudkan sebagai segala proses, pengurusan, perancangan, dan pengawalan hal-hal berkaitan agama Islam serta umat Islam secara bersistem. Aspek Utama Pentadbiran Agama Islam di Malaysia secara ringkas boleh dikatakan sebagai melibatkan sultan, sebagai Ketua agama Islam**.**

Sultan atau Raja adalah pihak tertinggi yang mengetuai pentadbiran atau hal ehwal agama Islam di negeri baginda (Manakala bagi Wilayah Persekutuan, ia diletakkan di bawah Yang di-Pertuan Agong).

Dalam konteks undang-undang, perkara yang boleh diterima sebagai perkara berkaitan “pentadbiran agama Islam” ialah perkara yang dinyatakan dalam mana-mana undang-undang. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 adalah enakmen utama yang memperincikan institusi Islam serta fungsi setiap sata. Hal yang dikaitkan dengan institusi Islam ini boleh diterima sebagai hal-ehwal Islam yang berada di bawah kepimpinan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

3.1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Secara umumnya perkara mengenai hal ehwal diperincikan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyusun hal ehwal Islam di Selangor kepada beberapa bahagian utama pentadbiran, iaitu:

1. Majlis Agama Islam Selangor (Majlis) Perkara yang dijelaskan ialah berkaitan penubuhan, fungsi dan kuasa majlis;
2. Pelantikan Mufti dan hal berkaitan Fatwa. Peruntukan enakmen ini menjelaskan tentang pelantikan dan peranan Mufti, Jawatankuasa Fatwa dan hukum;
3. Hal berkaitan Mahkamah Syariah, yang terangkum di dalam peruntukannya ialah berkaitan penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah;
4. Melibatkan hal berkaitan penguatkuasaan undang-undang Syariah,iaitu penguatkuasaan dan pendakwaan. Ia mengandungi peruntukan berkaitan **p**elantikan Ketua Pendakwa Syarie dan pegawai penguatkuasa. Termasuk juga hal berkaitan peguam syari’e;
5. Hal berkaitan kewangan dan baitulmal. Perkara ini khususnya adalah berkaitan pengurusan harta, zakat, fitrah dan wakaf;
6. Perkara berkaitan masjid dan surau, yang melibatkan pentadbiran, kariah dan pemegang amanah;
7. Hal ehwal pentadbiran mualaf, termasuklah perkara berkaitan pendaftaran dan pengiktirafan saudara baru; dan
8. Mengenai hal berkaitan pendidikan agama, yang terkandung di dalamnya berkaitan kawalan sekolah dan tauliah mengajar agama.

Ringkasnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan secara khusus penubuhan Majlis Agama Islam melalui seksyen 4 dan fungsi membantu serta menasihati Sultan melalui seksyen 6. Enakmen yang sama turut menjelaskan tentang institusi Mufti dan fatwa dalam seksyen 44–54; Mahkamah Syariah dalam seksyen 55–77; pendakwaan dan penguatkuasaan dalam seksyen 78–80; baitulmal, zakat dan wakaf dalam seksyen 81–95; serta masjid dalam seksyen 96–105.

4.0. MAJLIS AGAMA ISLAM

Majlis Agama Islam Selangor ditubuhkan oleh Seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Peruntukan ini menyebut:

> (1) Maka hendaklah ada suatu badan bernama “Majlis Agama Islam Selangor" untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Fungsi utama Majlis Agama Islam Selangor di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Seangor) 2003 adalah sebagai badan penasihat utama kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor. Majlis merupakan pihak berkuasa utama di negeri dalam hal ehwal agama Islam selepas Sultan, kecuali bagi perkara hukum Syarak dan pentadbiran keadilan. Hal ini dinyatakan dalam Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut:

> Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

Daripada peruntukan yang dipetik ini dapat difahami bahawa Majlis mempunyai fungsi dan kuasa untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di Selangor, kecuali dalam hal berkaitan Hukum Syarak dan pentadbiran keadilan. Hal berkaitan Hukum Syarak adalah di bawah peranan Mufti, manakala hal ehwal berkaitan pentadbiran keadilah adalah di bawah tanggungjawab Mahkamah, melalui Ketua Hakim Syari’e.

Seterusnya, pada seksyen 7 dinyatakan pula tentang peranan Majlis untuk memajukan ekonomi dan sosial Umat Islam

Seksyen 7(1) menyatakan;

> Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak.

Adalah juga penting untuk diketahui bahawa Majlis adalah pemegang amanah tunggal harta dan institusi Islam. Majlis berkuasa penuh mentadbir, memegang dan menguruskan semua wang serta harta di bawah Baitulmal, termasuk kutipan khairat. Begitu juga denga Zakat dan Fitrah. Majlis mengelola, memungut dan membahagikan dana zakat serta fitrah umat Islam di Selangor. Dalam hal melibatkan wakaf, nazar dan amanah Majlis bertindak sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua jenis wakaf (am dan khas), nazr, serta amanah Islam.

Jelas di sini bahawa pentadbiran Islam di Selangor adalah berada di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Namun dari segi pelaksanaannya terdapat agensi utama, iaitu Majlis Agama Islam dan beberapa pihak pelaksana yang lain, termasuk Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah, institusi pendakwaan dan penguatkuasaan, zakat, wakaf, masjid, pendidikan serta pelbagai institusi lain.

5.0. KEPIMPINAN SULTAN MELALUI MUFTI DAN INSTITUSI FATWA

Enakmen 2003 memperuntukkan struktur Mufti dan fatwa melalui seksyen 44–54. Seksyen 45 menetapkan fungsi Mufti berkaitan Hukum Syarak. Struktur ini memperlihatkan bahawa kepimpinan agama Sultan tidak bermaksud Baginda perlu menentukan sendiri semua persoalan hukum. Fatwa merupakan contoh yang baik bagi memahami hubungan antara kepimpinan Sultan dengan institusi ilmu. Enakmen menyediakan prosedur pembuatan fatwa dan memperuntukkan bahawa fatwa yang disiarkan dalam Warta mempunyai kesan mengikat sebagaimana ditentukan oleh undang-undang. Dalam konteks ini, kepimpinan Sultan dapat dilihat melalui kerangka autoriti dan perkenan, manakala kandungan hukum melalui proses institusi fatwa.

6.0. SULTAN DAN MAHKAMAH SYARIAH

Mahkamah Syariah mempunyai struktur tersendiri di bawah Bahagian IV Enakmen 2003.
Seksyen 55 memperuntukkan penubuhan Mahkamah Syariah, manakala seksyen 56 hingga 60 mengatur pelantikan Ketua Hakim Syarie, hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Pendaftar. Bidang kuasa mahkamah pula diperincikan dalam seksyen 61–68.

Hal ini menunjukkan bahawa kepimpinan Sultan perlu dibezakan daripada pelaksanaan fungsi kehakiman. Sultan adalah Ketua Agama Islam bagi negeri Selangor, manakala Mahkamah Syariah melaksanakan fungsi kehakiman berdasarkan bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang.
Perbezaan ini penting untuk memastikan kepimpinan institusi tidak disamakan dengan campur tangan terhadap fungsi kehakiman.

Ringkasan Institusi Pentadbiran Islam di Selangor

Institusi	Fungsi utama
Sultan	Ketua Agama Negeri
Majlis Agama Islam	Membantu dan menasihati Sultan serta fungsi pentadbiran agama
Mufti	Nasihat dan autoriti berkaitan Hukum Syarak
Jawatankuasa Fatwa	Proses penyediaan fatwa
Mahkamah Syariah	Fungsi kehakiman dalam bidang kuasa yang diberikan undang-undang
JAIS/agensi	Pelaksanaan pentadbiran dan penguatkuasaan

7.0. KEPIMPINAN SULTAN DAN PEMBAHAGIAN KUASA PERSEKUTUAN–NEGERI

Antara cabaran paling penting kepada pentadbiran Islam negeri ialah persoalan kompetensi perundangan. Senarai II Jadual Kesembilan memberikan kuasa kepada Negeri berhubung perkara agama Islam dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, tertakluk kepada batas-batas yang ditentukan oleh Perlembagaan.

Oleh itu, menurut keputusan mahkamah, kedudukan Islam pada peringkat negeri tidak bermaksud semua perkara yang mempunyai unsur Islam secara automatik berada dalam bidang kuasa Negeri. Prinsip ini menjadi sangat jelas dalam kes *Iki Putra bin Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor* [2021] 2 MLJ 323. Mahkamah Persekutuan menjelaskan persoalan tersebut dalam konteks pembahagian kuasa perundangan antara Persekutuan dan Negeri. Ketua Hakim Negara kemudiannya menegaskan bahawa *Iki Putra* dan *SIS Forum* pada asasnya berkaitan persoalan sama ada Badan Perundangan Negeri Selangor mempunyai kuasa untuk menggubal peruntukan tertentu.

Implikasinya keputusan mahkamah ini ialah, kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Negeri adalah kukuh, tetapi pelaksanaan kuasa agama tetap beroperasi dalam lingkungan Perlembagaan Persekutuan. Keputusan tersebut penting bukan kerana autoriti agama negeri beroperasi dalam sistem perlembagaan yang mempunyai sempadan bidang kuasa.

Kepimpinan Sultan dalam konteks ini tidak boleh dilihat hanya dari sudut simbolik. Institusi agama perlu mampu menghasilkan pengurusan zakat yang cekap, pembangunan wakaf, pembasmian kemiskinan, pendidikan, pembangunan ekonomi, kebajikan asnaf;dan pembangunan komuniti.

8.0. CONTOH KEPIMPINAN SULTAN SELANGOR DALAM HAL EHWAL ISLAM

8.1. Pemeliharaan Kesucian Akidah dan Institusi Fatwa

Baginda memastikan umat Islam di Selangor mempunyai panduan akidah yang jelas dan sahih dengan memperkasakan peranan institusi fatwa negeri. Baginda secara konsisten menyeru masyarakat untuk merujuk dan mematuhi

fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor sebagai panduan sah demi menjaga keharmonian umat Islam.

8.2. Mempertahankan Kalimah Allah
Baginda mengarahkan Majlis Agama Islam Selangor untuk tegas mempertahankan penggunaan kalimah "Allah" khusus untuk umat Islam. Baginda menitahkan agar masyarakat bukan Islam menghormati peraturan perundangan yang termaktub dalam Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Bukan Islam) Selangor.

8.3. Memelihara Kesucian Institusi Masjid daripada Pengaruh Politik
Antara contoh kepimpinan paling menonjol adalah usaha baginda memastikan masjid kekal sebagai zon amanah yang bebas daripada perpecahan kaum dan fahaman politik. Larangan Politik di Masjid: Baginda mengeluarkan arahan tegas kepada pentadbir masjid dan surau agar tidak membenarkan sebarang aktiviti politik atau penyebaran ideologi parti dilakukan di dalam premis ibadah. Pentauliahan Penceramah: Baginda menetapkan bahawa hanya penceramah, pendakwah dan khatib yang mendapat tauliah rasmi daripada Majlis Agama Islam Selangor sahaja dibenarkan menyampaikan kuliah. Selain itu, penceramah luar negara dilarang sama sekali memberikan ceramah di Selangor kecuali di tiga masjid utama negeri (seperti Masjid Negeri dan Masjid Diraja Klang) demi mengawal doktrin ekstremisme.

8.4. Menolak Pengaruh Luar yang Menggugat Pentadbiran Islam
Baginda menunjukkan ketegasan yang tinggi dalam mempertahankan hak eksklusif institusi beraja dan eksekutif negeri dalam menguruskan hal ehwal Islam daripada campur tangan luar.

8.5. Pendekatan Tegas tetapi Sederhana
Sebagai ketua agama, kepimpinan baginda tidak bersifat ekstrem tetapi mengutamakan keseimbangan antara amalan Islam dengan keharmonian hidup masyarakat majmuk.

8.6. Pemerkasaan Sistem Zakat dan Kebajikan Asnaf
Pentadbiran Islam di bawah naungan baginda berjaya menstrukturkan pengurusan zakat secara korporat dan sistematik melalui Lembaga Zakat Selangor.

8.7. Menyantuni Asnaf
Baginda kerap memimpin majlis pengurniaan bantuan zakat secara peribadi, contohnya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, bagi memastikan kebajikan golongan fakir miskin, asnaf, serta golongan mualaf di Selangor sentiasa terbela.

8.8. Warisan Kepimpinan Berilmu: Contoh Sejarah Islam Selangor
Asas kepimpinan agama yang kukuh ini sebenarnya diwarisi sejak zaman-berzaman. Sebagai contoh sejarah,Sultan Ala'eddin Suleiman Shah (Sultan Selangor ke-5, memerintah 1898–1938) merupakan contoh kepimpinan ulung yang bukan sahaja mentadbir negeri, malah aktif menyampaikan khutbah

Jumaat secara peribadi di Masjid Jugra dan Klang. Baginda turut mengarang kitab-kitab agama seperti *Kitab Pohon Ugama* untuk memastikan pengajaran akidah generasi muda Selangor terpelihara. Tradisi kepimpinan berilmu dan prihatin terhadap kesucian agama inilah yang diteruskan secara konsisten oleh institusi diraja Selangor sehingga hari ini.

9.0. PENUTUP

Kepimpinan Sultan Selangor dalam mentadbir agama Islam mempunyai sekurang-kurangnya empat dimensi, iaitu, kepimpinan perlembagaan; kepimpinan agama; kepimpinan institusi; dan kepimpinan pembangunan umat. Sultan Selangor memainkan peranan sebagai Ketua Agama Islam negeri mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor. Perkara 3(2) Perlembagaan Persekutuan memberikan kerangka umum kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negeri masing-masing, manakala Perkara XLVIII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor memberikan kedudukan khusus kepada Sultan Selangor sebagai Ketua agama Negeri. Justeru, autoriti kepimpinan agama Islam berpusat pada kedudukan Sultan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang digubal atas kuasa dan perkenan baginda membina suatu jaringan institusi bagi tujuan pelaksanaan kuasa baginda.

Melalui Enakmen ini, telah diamanahkan kepada institusi yang mempunyai fungsi dan bidang kuasa masing-masing sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang. Sementara itu, kerajaan baginda juga mempunyai amanah untuk memastikan tugas undang-undang dan tanggungjawab yang baginda galas melalui peruntukan perlembagaan (*constitutional duties*) dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kepimpinan Sultan Selangor, dari dahulu sehingga kini, khususnya di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, memperlihatkan ketegasan, kebijaksanaan, dan peranan aktif sebagai *Ulul Amri* (pemegang amanah agama).

Untuk masa depan, terbukti kepimpinan Baginda Sultan Selangor tentang hal ehwal Islam dengan tersusunnya rangka kerja yang jelas melalui kerangka strategik Halatuju Kelestarian Hal Ehwal Islam Selangor (HATIS) oleh Majlis Agama Islam Selangor. Semoga kepimpinan Duli Yang Maha Mulia Sultan sentiasa diberkati Allah.

SENARAI BACAAN

J. M. Gullick A History of Selangor (1766-1939). (1998). Falcon Press Sdn Bhd as MBRAS Monograph No. 28

Che Pa, B.(2012). Institusi Raja Dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam di Alam Melayu Nusantara. In Membongkar Rahsia Pendidikan Islam. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.(lihat juga Baharin Ilias (ed.) (2023), Ketatanegaraan Negeri Kelantan; Sejarah, Pemerintahan dan Pentadbiran sehingga 2020, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Halatuju Kelestarian Hal Ehwal Islam Selangor (HATIS) oleh Majlis Agama Islam Selangor.(2025). Majlis Agama Islam Selangor.

Iki Putra bin Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 2 MLJ 323.

Mohd Kamal, M. H. (2007). Kedudukan Dan Peranan Raja-Raja Dalam Pentadbiran Agama Islam. Dalam M. Arifin (Ed.), Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia(pp. 57–74). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nasohah, Z., Zakaria, Z., & Mohd Kusrin, Z. (2022). Cabaran Penyeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia. International Journal of Islamic Thought, 22, 83–95. https://doi.org/10.24035/ijit.22.2022.248

Noorjannah Adam & Adnan Jusoh.(September 2018) Pembaharuan Dalam Pentadbiran Negeri Selangor Sepanjang Tempoh Pemerintahan Sultan Abdul Samad Di Jugra, 1857-1898. Jurnal Arkeologi Malaysia, Vol. 31, No. 2, hlm. 17-28. (https://journalarticle.ukm.my/16710/1/185-319-1-PB.pdf)

Perlembagaan Persekutuan

Rosele, M. I., Abd Rahim, R. A., & Wan Ali, W. Z. K. (2018). Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 29(1), 51–77. https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/15364

Shamrahayu A. Aziz. (2013, Januari 5). Kedaulatan Islam Sebagai Agama Negara –Peranan Raja-Raja Melayu Berpaksi Perlembagaan Persekutuan. Kertas kerja Seminar Mendaulatkan Islam Agama Negara, Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) & JAKIM.
Sheikh Syed Ahmad Zaki Khairul Anuar. Pewaris Takhta Sultan Selangor https://www.academia.edu/41345355/Pewaris_Takhta_Sultan_Selangor

Shuaib, F. S. (2008). Strengthening Administrative Institutions Of Islamic Law In Malaysia: An Overview. Jurnal Syariah, 16(2), 443–464.

SIS Forum (Malaysia) v Kerajaan Negeri Selangor (Majlis Agama Islam Selangor, intervener) [2022] 2 MLJ 356.

Sophian Rambli & A, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Isu Dan Cabaran Dalam Pengurusan Akidah Di Malaysia: Pengalaman Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/131935/1/131935.pdf

Undang-Undang Tubuh (Kelantan, Terengganu, Johor, Melaka, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan)

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Zanariah Dimon. (2020, November 24–25). Peranan Sultan Sebagai Ketua Agama: Sorotan Isu-Isu Berkaitan Pentadbiran Agama Islam Di Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) (online).

Uqbah Iqbal.(2018). Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan. Global Journal of Archaeology and Anthropology.